

Najib Lawat Kelantan Khamis
Bernama
1 Mei, 2013

KOTA BAHARU, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan bertemu rakyat negeri ini dalam lawatan seharusnya ke Kelantan Khamis.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata sejourus tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Najib akan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Petai di Pasir Puteh untuk bertemu rakyat pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat.

Kemudian, beliau akan ke Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Tok Bok, Machang, katanya kepada pemberita di sini, Rabu.

Pada petangnya, Perdana Menteri akan ke Maktab Sultan Ismail, Jalan Telipot di sini untuk merasmikan Majlis Pelancaran Tuisyen 1Malaysia.

Najib akan mengakhiri lawatannya dengan menghadiri satu lagi Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Chabang Empat di Tumpat sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946668>